

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Bahagian 3

Sambungan Ringkasan Perjalanan Hidupnya

Ketika al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs berhijrah dari al-Ḥijāz ke Yemen, beberapa orang ahli keluarganya dan juga beberapa orang pengikutnya telah ikut serta. Mula-mula sekali, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs dan ahli-ahli rombongannya telah pergi ke al-Luḥayyah, sebelum bertolak pula ke pelabuhan al-Ḥudaidah, dan kemudian bertolak pula ke Bait al-Faqīh, dan setelah itu, ke kota Zabīd dalam tahun 1243 Hijrah.

Pertama kali beliau tiba di kota Zabīd, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah tinggal di situ selama dua puluh hari. Beliau telah menjadi tetamu kepada as-Saiyid ‘Abdur Raḥmān ibn Sulaimān al-Ahdal (hidup dari tahun 1179 hingga 1250 Hijrah), yang merupakan al-Muftī di Zabīd ketika itu. Al-Imām as-Saiyid ibn Idrīs sudah pun berkenalan dengan as-Saiyid ‘Abdur Raḥmān ibn Sulaimān al-Ahdal di Makkah beberapa tahun sebelum itu.

Kemudian, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah bertolak pula ke pelabuhan al-Mukhā dan telah tinggal di situ selama lebih kurang 4 bulan. Dari al-Mukhā, beliau telah pergi pula ke al-Mawza‘. Di situ, ramai manusia yang telah tertarik untuk menghadiri majlis-majlis beliau.

Dari al-Mawza‘, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah bertolak semula ke Zabīd dan tinggal di sana selama lebih kurang 9 bulan. Dan pada ketika itu, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah menjadi bertambah masyhur, sehingga manusia dari berbagai-bagai latar belakang telah datang berduyun-duyun menghadiri kuliah-kuliah beliau. Dan di antara mereka ada juga beberapa orang yang telah mencatatkan ajaran-ajaran beliau untuk kemudian dibukukan.

Selain daripada mempelajari tafsir hadis dan al-Quran daripada beliau, ramai juga manusia yang telah mengambil tarekat daripada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di waktu itu. Di antara mereka

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

yang telah turut menerima ijazah tarekat daripadanya ialah as-Saiyid ‘Abdur Raḥmān ibn Sulaimān al-Ahdal, dan anak-anaknya.

Kemudian, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah pergi pula ke al-Ḥudaidah dan tinggal di situ beberapa waktu. Di antara al-‘ulamā’ yang telah datang berguru dengan beliau di situ ialah asy-Syaikh Sālim ibn Dāwūd, asy-Syaikh Aḥmad ibn ‘Abdur Raḥmān, asy-Syaikh Ibrāhīm ibn ‘Abdullāh al-Khairī dan asy-Syaikh Muḥammad ‘Ābid as-Sindī (yang pernah menjadi duta Yemen ke negara Mesir).

Dari al-Ḥudaidah, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah pergi pula ke utara dan singgah di Bājil, di mana dia telah tinggal di rumah seorang faqīh yang berasal dari Moroko, yang bernama asy-Syaikh Muḥammad at-Tāzī an-Nāsyirī.

Akhirnya, pada bulan Syaaban (di dalam Bahasa Arab disebut Sya‘bān) tahun 1245 Hijrah, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah sampai ke kota Ṣabyā. Dia telah tinggal di kota Ṣabyā sehingga ke akhir hayatnya.

Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah tinggal di kota Ṣabyā di atas jemputan pemerintah ‘Asīr di waktu itu, yakni ‘Alī ibn Mujaththal (yang telah meninggal dunia pada tahun 1249 Hijrah). Walaupun demikian, tiadalah bererti yang al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs itu bersikap terhutang budi dan takut kepada ‘Alī ibn Mujaththal, kerana dia dengan beraninya pernah menulis sepucuk surat kepada pemerintah ‘Asīr itu dan menegur perbuatannya yang salah:

. . . Surat ini aku hantar kepadamu, semoga Allāh mengurniakanmu kebaikan dan menjagamu daripada segala mara bahaya, melalui tangan asy-Saiyid Muḥammad ibn Abū Bakr Ṣā’im ad-Dahr, yang akan datang menemuimu untuk membuat satu aduan yang dia telah dizalimi oleh sesetengah pegawaimu. Maka berikanlah dia keadilan kerana Allāh dan kepada orang-orang yang bersamanya, dan dirikanlah untuknya bangunan kubur yang telah kamu janjikan kepada mereka pada tahun ini.

Dan janganlah sesiapa pun berselisih dengannya selepas ini, kerana setiap penzaliman itu adalah buruk, dan penzaliman ke atas keluarga

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam adalah yang paling buruk, dan adalah pemotongan ikatan kecintaan (qaṭ‘ lil-mawaddah) yang telah diperintahkan oleh Allāh ke atas kita semua . . .

Ketika al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs berada di kota Ṣabyā, beliau telah ditemui oleh seorang ‘ālim yang muda bernama asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ibn ‘Abdullāh al-‘Amrī aḍ-Ḍamadī (hidup dari tahun 1221 hingga 1289 Hijrah; di hari-hari tuanya telah menjadi seorang kadi). Dia juga dikenali dengan nama panggilan ‘Ākisy dan telah menjadi seorang murid dan peminat al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs yang setia.

Asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy ini telah banyak menulis mengenai ajaran-ajaran dan juga beberapa kisah dari riwayat hidup al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs.

Telah bercerita asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs pernah berkata:

Sebesar-besar (yakni sebaik-baik) makanan bagi diriku (yakni makanan rohani) ialah mengingati Allāh. Tiada aku berkuasa untuk meninggalkannya, walaupun untuk satu saat.

Telah bercerita lagi asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy:

Di dalam ibadatnya (yakni solat sunat), beliau akan menghabiskan al-Quran di dalam dua rakaat. Masa-masa beliau telah dihabiskan di dalam berzikir dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Aku tidak pernah mendengar beliau memperkatakan tentang sesuatu yang remeh.

Telah bercerita lagi asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy:

Apabila beliau membaca al-Quran, aku telah mendengar bunyi gemuruh (yakni hasil daripada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs merasakan kehebatan Allāh) keluar dari rongganya.

Telah diceritakan pula di dalam sebuah riwayat lain:

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Pada suatu hari, as-Saiyid Aḥmad (yakni al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs) telah menghadiri sebuah majlis yang telah turut dihadiri juga oleh sekumpulan al-‘ulamā’ dan salah seorang daripada mereka ialah asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy, yakni salah seorang pengikut beliau yang terbesar. Mereka telah bertanyakan beliau beberapa masalah tentang ilmu, dan beliau telah menjawabnya.

Ketika mereka pulang ke tempat masing-masing, salah seorang daripada mereka telah berkata, “Kata-kata as-Saiyid itu memang sangat tinggi nilainya, tetapi kita perlu merujuk kepada kata-kata daripada al-‘Allāmah si polan dan juga al-‘Allāmah si polan.”

Telah berkata pula asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy, “Marilah kita semua berdoa kepada Allāh Ta‘ālā agar Dia menunjukkan kepada kita sama ada kebenaran itu berada di pihak beliau (yakni al-Imām as-Saiyid ibn Idrīs) atau mereka yang telah engkau sebutkan namanya daripada golongan al-‘ulamā’ itu.”

Mereka telah menerima cadangannya itu, lalu mereka pun berdoa dan terus pergi tidur.

Pada malam itu, orang yang telah mengeluarkan pendapatnya itu telah bermimpi bertemu dengan Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, dan dia telah bertanya kepada baginda mengenai masalah yang telah diperselisihkan itu dan pendapat-pendapat al-‘ulamā’ yang berlainan.

Telah berkata Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam kepadanya, “Hendaklah engkau sekalian mengikuti mereka yang kata-katanya bersepakat dengan al-Kitāb dan sunnah-ku.”

Kemudian si ‘ālim itu telah bertanya, “Adakah kami perlu mengikuti Aḥmad ibn Idrīs?”

Maka telah dijawab pula oleh Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, “Subḥānallāh! Adakah Aḥmad akan menokok-nambahkan kata-kata! Sesungguhnya, dia hanya berkata-kata dengan sunnah-ku, dan dia adalah penyambung lidahku.”

[Setelah bangun dari tidur], si ‘ālim telah menceritakan tentang mimpinya itu kepada para sahabatnya, dan mereka pun pergi berjumpa dengan as-Saiyid Aḥmad dan telah menceritakan apa yang telah berlaku.

Beliau telah berkata, “Puji-pujian bagi Allāh yang telah menzahirkan kebenaran kepada engkau sekalian.”

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Mengikuti asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy, setelah al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs tinggal di Ṣabyā, kota itu telah menjadi pusat bagi para pencari ilmu. Dan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs pula biasanya, telah mengadakan dua majlis pengajian pada setiap hari – yang pertama dari waktu matahari terbit sehingga tengah hari, dan yang kedua dari waktu selepas solat Asar sehingga waktu solat Maghrib. Dia akan menjawab soalan-soalan yang diajukan di dalam majlis-majlis itu, dan jawapan-jawapan itu pula adalah bersesuaian dengan kecerdasan akal si penanya.

Dan selepas majlis-majlis umum ini, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah mengadakan kelas-kelas tertutup yang diberikan kepada murid-muridnya yang lebih tinggi pencapaian kerohaniannya (di peringkat al-muntahī) di mana dia akan menerangkan isi kitab-kitab ilmu tasawuf di peringkat tinggi, seperti at-Tā’iyyah al-Kubrā oleh asy-Syaikh Ibn al-Fāriḍ dan Fuṣūṣ al-Ḥikam oleh asy-Syaikh Ibn al-‘Arabī.

Mengadakan tiga majlis pengajian dalam satu hari, adalah satu tugas yang berat (yakni memenatkan) bagi seorang manusia yang sudah pun berumur lebih daripada lapan puluh tahun.

Di kota Ṣabyā terdapat beberapa orang manusia daripada golongan al-fuqahā’ yang telah merasa iri hati dengan populariti al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs. Dan golongan al-fuqahā’ yang iri hati ini juga telah terpengaruh oleh ajaran-ajaran golongan Wahhābī yang berfikiran sempit itu. Maka mereka pun telah mencari jalan untuk menghapuskan pengaruh al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs.

Seorang faqīh yang bernama Aḥmad ibn Muḥammad at-Tihāmī pernah menulis sebuah kitab yang bertajuk Talbīs Iblīs (tajuk ini sama dengan tajuk sebuah kitab yang telah ditulis oleh seorang ‘ālim lain bernama Ibn al-Jauzī beberapa ratus tahun sebelum itu) dan telah menyerang al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs di dalam kitab itu.

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Seorang ‘ālim lain yang bernama asy-Syaikh Ibrāhīm ibn Yaḥyā al-Aswās aḍ-Ḍamadī (yakni seorang sahabat kepada asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy), telah menulis sebuah kitab lain yang berjudul al-‘Uṣyī al-Qārī‘ah, dan telah membalas balik serangan itu.

Mengikuti asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy lagi, beberapa waktu selepas itu, Aḥmad ibn Muḥammad at-Tihāmī telah sedar dari kesilapannya, dan telah menemui al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, serta meminta maaf daripadanya.

Pada suatu hari, ‘Abdullāh ibn Surūr al-Yāmī, seorang faqīh yang muda dan juga seorang pengikut golongan Wahhābī, telah menghadiri beberapa majlis al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs. Oleh kerana dia tidak mempunyai ilmu dan pengalaman rohani yang mencukupi, ‘Abdullāh ibn Surūr al-Yāmī telah merasa tersinggung dengan apa yang telah didengarinya itu. Dia kemudiannya telah menulis sepucuk surat kepada ‘Alī ibn Mujaththal. Di dalam suratnya itu, dia telah mengadu beberapa perkara, dan telah memburuk-burukkan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs.

Umpamanya, para pengikut al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah dituduh terlalu membesar-besarkan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, kerana beliau telah diusung ke sana ke mari. Pada hal, ini adalah kerana al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs sudah pun tua dan tidak lagi sihat, bukanlah al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs diusung ke sana ke mari kerana dimuliakan sebagai seorang raja.

Dan dituduhnya lagi bahawa al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mengajar ajaran-ajaran sesat kerana dia telah mengajar beberapa orang murid-muridnya kandungan kitab tulisan asy-Syaikh Ibn al-‘Arabī, yang telah dihukum kafir oleh golongan Wahhābī. Dan murid-murid al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah dikatakan suka menari-nari di dalam majlis zikir, dan menyanyi-nyanyi dengan suara kuat sehingga telah mengganggu orang lain. Ini adalah tuduhan palsu yang sengaja direka, kerana yang berbuat demikian itu sebenarnya bukanlah murid-murid al-

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, tetapi adalah para pengamal tarekat lain.

‘Abdullāh ibn Surūr al-Yāmī kemudian telah bertemu dengan ‘Alī ibn Mujaththal, yang telah menyuruh asy-Syaikh Ibrāhīm ibn Aḥmad az-Zamzanī menyelesaikan masalah itu. Asy-Syaikh Ibrāhīm ibn Aḥmad az-Zamzanī bagaimanapun telah menasihati ‘Alī ibn Mujaththal supaya mengoyakkan sahaja surat itu, kerana si penulis surat itu adalah seorang manusia yang bukan ahli di dalam bidang yang diperkatakannya itu. (Tetapi, ‘Alī ibn Mujaththal tidak pula mengoyakkan surat itu seperti yang telah dinasihatkan oleh si ‘ālim itu.)

Setelah al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs mendengar berita tentang tuduhan-tuduhan itu, beliau telah menulis sepucuk surat kepada asy-Syaikh Ibrāhīm ibn Aḥmad az-Zamzanī, menerangkan keadaan yang sebenar:

Adapun tentang kenyataanmu yang mereka telah menggerak-gerakkan badan dan menari-nari, kami tidak mengetahui sesiapa pun yang telah bergerak-gerak seperti seorang yang mabuk dan menari-nari. Kerana, di dalam majlis-majlis zikir, seseorang itu akan dibawa untuk meninggalkan kebodohnya. Seorang mukmin itu akan berasa malu di hadapan Allāh untuk berkelakuan dengan sesuatu yang tidak diredaiNya.

Kami tidak pernah menganjurkannya (yakni menari-nari). Malah setelah apa yang telah engkau katakan itu sampai kepada kami, kami telah melarang mereka daripada menggerak-gerakkan badan mereka ke hadapan dan ke belakang. Walaupun kami tidak pernah mendengar sebarang larangan daripada Allāh dan utusanNya mengenainya, kami telah melarangnya, kerana menghormati perasaanmu dan juga untuk menutup pintu segala dalih . . .

Walaupun al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah menulis surat yang telah menerangkan keadaannya yang sebenar, ‘Abdullāh ibn Surūr al-Yāmī telah mendapat sokongan beberapa orang manusia daripada golongan al-‘ulamā’ yang pro-Wahhābī, termasuk seorang faqīh bernama Nāṣir ibn Muḥammad al-Kubaibī. Oleh itu, pada bulan Jamadilakhir tahun 1248 Hijrah, ‘Alī ibn Mujaththal

Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

telah mengeluarkan perintah supaya diadakan satu perdebatan di antara al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs dan al-fuqahā' yang iri hati itu.



Satu pemandangan di 'Asīr. Pada hari ini, 'Asīr adalah di bawah jajahan Saudi Arabia.